



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**Ministry of Agriculture and Food Security**

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafs.gov.my](http://www.mafs.gov.my)

---

**SIARAN MEDIA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF  
MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA**

**KUALA LUMPUR, 21 MAC 2023** – Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bil.1 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi (KPK) bersama YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah diadakan di Menara LPP hari ini.

Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKE) ditubuhkan hasil daripada keputusan Jemaah Menteri pada 29 April 2020. Selaras dengan mandat YAB Perdana Menteri, bermula tahun 2023, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi telah dipohon untuk mempengerusikan mesyuarat JKE ini bersama-sama Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Dengan mandat ini, ianya sekali gus mengangkat peranan jawatankuasa ini dan menunjukkan keutamaan Kerajaan Perpaduan dalam memastikan agenda sekuriti makanan negara terus menjadi fokus penting.

Skop dan tugas utama jawatankuasa ini adalah bagi mencadangkan hala tuju sekuriti makanan, mengemukakan cadangan di peringkat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara, mengenal pasti isu dan cabaran berkaitan sekuriti makanan negara secara menyeluruh dan mengemukakan cadangan dasar, strategi serta pelan tindakan kerajaan untuk menangani isu sekuriti makanan negara.

Mesyuarat ini dihadiri oleh kira-kira 50 orang terdiri daripada Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/Agensi Kerajaan, ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) serta pemain industri. Jemputan turut dipanjangkan kepada Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri memandangkan peranan penting pentadbiran kerajaan negeri dalam bersama-sama mengukuhkan sekuriti makanan negara.

Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat kali ini adalah berkaitan Kertas Pembentangan Khas Struktur Tadbir Urus Sekuriti Makanan Negara dan Inisiatif *Quickwins* Pemantapan Produktiviti Bekalan Makanan Negara oleh KPKM, Kertas Pertimbangan bagi Pelaksanaan Program Pengawasan serta Intervensi Bekalan dan Pemasaran Agromakanan (SISDA) oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Kertas Makluman bagi Kawalan Import dan Eksport Keluaran Pertanian oleh

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta pembentangan Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**21 MAC 2023**